

Tengkujuh bertandang

Paras air surut

Keadaan di Dengkil kian pulih, sebahagian mangsa banjir pulang ke rumah

>>Oleh Hayati Ibrahim

ya_t@hmetro.com.my

KUALA LANGAT: Banjir di Kuala Langat masih tidak banyak berubah, namun di sekitar Dengkil keadaannya beransur pulih dengan sesetengah mangsa pulang ke rumah.

Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Zon Selangor Selatan, Sharikan Bustaman berkata, secara keseluruhan, paras air di Dengkil surut walaupun paras air Sungai Langat tinggi sedikit daripada paras normal iaitu 5.3 meter.

Katanya, jumlah mangsa di dua pusat pemindahan sementara di Dengkil mula berkurangan kepada 948, berbanding 1,115 mangsa kelmarin, manakala dua pusat pemindahan iaitu di Kampung Kelinsing dan Rancangan Tanah Belia (RTB) Labu Lanjut ditutup.

"Di Kuala Langat jumlah mangsa bertambah kepada 996 dari 257 keluarga, berbanding 831 mangsa semalam (kelmarin).

"Semua mangsa masih ditempatkan di empat pusat pemindahan sementara iaitu di Sekolah Kebangsaan (SK) RTB Bukit Changgang, dewan Genting Sanyen, dewan Kampung Bukit Changgang dan dewan Bukit Tandum. Buat masa ini kami masih memantau keadaan cuaca dan paras air sebelum mem-



FOTO | Rahim Rahmat dan Fariz Iswadi Ismail

KREATIF...penduduk menggunakan tangki air sebagai rakit untuk balik ke rumah di Kampung Bukit Changgang, Sepang.

benarkan mereka pulang," katanya.

Seorang mangsa di pusat pemindahan Dewan Orang Ramai Dengkil, Jalal Hamzah, 49, berkata, walaupun tinggal dalam keadaan kurang selesa di pusat pemindahan sementara, dia bersyukur kerana mendapat banyak bantuan daripada pelbagai pihak.

"Pelbagai pihak tampil menghulurkan bantuan kepada kami termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pergerakan Wanita Umno dan Kelab Puteri Malaysia.

"Syukur dengan keprihatinan pihak terbabit dan di-

harapkan banjir segera pulih bagi membolehkan kami segera pulang ke rumah," katanya.

Berlainan pula cerita seorang mangsa ditempatkan di SK RTB Bukit Changgang, Yusuf Dahlan, 45, yang sebelum itu terpaksa meredah perjalanan lebih 300 kilometer dari Gua Musang, Kelantan untuk pulang ke rumah menyelamatkan barangan berharga.

"Ketika banjir, saya dan keluarga berada di Gua Musang. Jiran memaklumkan kejadian berkenaan dan sebaik mengetahuinya pada jam 3 pagi saya bergegas pu-

lang untuk menyelamatkan barangan penting sebelum berpindah ke pusat pemindahan.

"Tiba di kawasan rumah, saya terpaksa meredah air paras lutut sejauh 50 meter sebelum dapat memasuki rumah kerana jalan tidak boleh dilalui kenderaan. Ketika itu perabot rumah terapung, tetapi peti ais dan televisyen sempat diselamatkan," katanya.

HM e-Paper



Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my